

Sinar Harian 15/11/2018
m/s 35



Munir (tiga, kiri) meninjau persediaan nelayan hadapi tengkujuh.

Nelayan perlu kreatif jana pendapatan

TOK JEMBAL - Komuniti nelayan digalakkan untuk mengusahakan perniagaan secara berkelompok supaya dapat mempelbagaikan pendapatan.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, saranan itu dibuat bagi memastikan golongan nelayan tidak hanya bergantung kepada hasil laut semata-mata sebaliknya perlu lebih kreatif meningkatkan pendapatan mereka.

"Golongan nelayan perlu bijak mempelbagaikan sumber laut dengan menghasilkan produk yang bermutu sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan.

"Kebanyakan nelayan tinggal di kawasan pesisir pantai dan banyak perniagaan yang dapat diusahakan jika

kita kreatif.

"Perusahaan itu tidak semestinya hanya melibatkan makanan atau produk semata-mata tetapi juga melalui aktiviti rekreasi," katanya ketika bertemu nelayan bagi meninjau persediaan musim tengkujuh, di sini.

Menurut Munir, perusahaan secara berkelompok begitu digalakkan supaya hasil yang dikeluarkan lebih besar, di samping memudahkan proses permohonan bantuan dari pelbagai agensi berkaitan.

"Kita sedia maklum bahawa sumber perikanan terutamanya bagi nelayan kecil semakin berkurang jadi persediaan awal perlu dibuat agar dapat menambahkan lagi pendapatan," katanya.